




Tindakan kerajaan negeri menggugurkan Seksyen 4 akta berkenaan juga menyebabkan pentadbiran mereka tidak mempunyai kuasa mengambil alih tanah berkenaan daripada pemilik”

Mohd Yusoff Latiff,
Presiden Persatuan
Melayu Pulau Pinang
(PEMENANG)



Perkampungan Kampung Mutiara, Batu Feringghi, yang bakal dirobohkan oleh pemilik tanah.

DAP digesa perjelas tindakan selamatkan Kampung Mutiara

BH 10/8/2017, ms. 12



Kampung Mutiara

- tanah berstatus pegangan kekal
- dimiliki oleh Peter Loke yang menetap di Ipoh, Perak
- tanah berkenaan asalnya dikurniakan Sultan Kedah kepada penduduk Melayu di Kedah yang mempertahankan negeri itu ketika peperangan dengan Siam, pada 1821
- Tok Mat Perlis adalah Penghulu Pertama Kampung Mutiara
- Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah memperuntukkan kuasa kepada kerajaan negeri untuk mengambil alih sesebuah tanah tanpa memerlukan persetujuan pemilik
- Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah memperuntukkan kuasa kepada kerajaan negeri untuk memantau sebarang kegiatan pembangunan di sesebuah tanah

➔ Susulan kerajaan negeri gugurkan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah, sekali gus memberi kelebihan kepada pemilik Lot 42 dan 43 di kawasan berkenaan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my
Georgetown

Kerajaan DAP Pulau Pinang digesa memperjelas tindakan yang wajar dilakukan untuk menyelamatkan penduduk Kampung Mutiara, di sini, daripada terus menjadi mangsa perjanjian didakwa berat sebelah dikemukakan pemilik tanah.

Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Tan Sri Mohd Yusoff Latiff, berkata ia susulan tindakan kerajaan negeri menggugurkan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah, sekali gus memberi kelebihan kepada pemilik Lot 42 dan 43 di kawasan itu.

“Tindakan kerajaan negeri itu secara tidak langsung memberi peluang pemilik tanah menjual tanah berkenaan kepada pihak ketiga, tanpa menitikberatkan kepentingan penduduk asal kawasan berkenaan.

“Tindakan kerajaan negeri menggugurkan Seksyen 4 akta berkenaan juga menyebabkan pen-

tadbiran mereka tidak mempunyai kuasa mengambil alih tanah berkenaan daripada pemilik,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Minggu lalu, 500 penduduk Kampung Mutiara diberi tempoh tiga bulan untuk berpindah selepas UMNO dan pemilik tanah mencapai kata sepakat dalam rundingan mereka.

Gesa pengecualian cukai tanah selama 5 tahun

Bagaimanapun, pemilik terbabit mensyaratkan UMNO perlu membayar RM50,000 sebagai pampasan dan RM50,000 lagi untuk deposit bagi memastikan semua penduduk berpindah mengikut tempoh masa ditetapkan.

Pemilik tanah turut mensyaratkan supaya kerajaan negeri menggugurkan penguatkuasaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah, selain menggesa diberi pengecualian cukai tanah selama lima tahun.

Sementara itu, wakil penduduk Kampung Mutiara, Rusman Zainal, 56, berkata kebanyakan penduduk yang akan diusir daripada kejiranan itu sudah mula mengemas

barangan masing-masing, sementara menunggu penempatan sementara di Tanjung Tokong.

“Kami sudah menerima maklum balas positif hasil perbincangan bersama UMNO dan Kerajaan Persekutuan, apabila semua tuan rumah diberi keutamaan mendapat satu unit perumahan sementara.

“Kini kami menunggu kelulusan untuk beberapa dokumentasi yang perlu diserahkan kepada kerajaan negeri, sebelum boleh mula mendiami perumahan sementara berkenaan,” katanya.

Pesara, K Govindarajoo, 61, yang kini mengalami masalah untuk bergerak, pasrah dengan ketentuan itu biar pun berat hati mahu meninggalkan tanah kelahirannya itu.

“Saya tak tahu macam mana untuk berdepan situasi ini, ditambah dengan keadaan isteri yang lumpuh, tetapi terpaksa juga kami berpindah.

“Bagaimanapun, saya terkilan dengan kerajaan negeri yang langsung tidak membantu kami. Selama ini pun hanya UMNO dan Kerajaan Persekutuan yang banyak membela kami,” katanya.